



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RESIDENSI RIMBUNAN ANTARA INISIATIF SWASTA DALAM PROJEK RUMAWIP DI WP KUALA LUMPUR

PUTRAJAYA, 11 April 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Cabutan Undi RUMAWIP Residensi Rimbunan di Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Projek yang dibangunkan melalui inisiatif swasta secara sepenuhnya oleh Syarikat Petaling Garden Sdn Bhd iaitu anak syarikat kepada Kumpulan I&P telah pun memasuki fasa pembinaan di atas tanah berkeluasan 2.5 ekar dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Projek ini menawarkan 1 blok kediaman berketinggian 20 tingkat yang mengandungi 272 unit kediaman RUMAWIP dengan keluasan unit 829 kaki persegi dan dilengkapi dengan 3 bilik tidur, 2 bilik air dan 1 parking pada harga RM297,888.00. Kelebihan juga diberikan kepada pemilik Residensi Rimbunan iaitu pemaju akan menanggung kos guaman untuk surat perjanjian sewa-beli, kos duti setem ke atas memorandum pindah milik dan menanggung kos penyelenggaraan dalam tempoh setahun pemilikan.

Kemudahan lain bertaraf kondominium yang disediakan antaranya adalah taska, surau, dewan pelbagaiguna, taman permainan dan empat ruang kedai serta infrastruktur awam. Projek yang terletak di Bandar Baru Sri Petaling ini sangat strategik kerana berada dalam kawasan yang pesat dan telah matang serta mempunyai pelbagai kemudahan komersial, sekolah dan pasaraya. Kawasan ini juga sangat selesa dan mudah untuk akses ke jalanraya utama di sekitarnya seperti Lebuhraya KESAS, NPE, MRR2 dan MEX. Selain itu, akses kepada pengangkutan awam juga berhampiran dengan stesen LRT Bukit Jalil dan Sri Petaling di samping kemudahan MRT2 yang bakal dibangunkan di lokasi berdekatan.

Sehingga kini, Kementerian Wilayah Persekutuan telah berjaya mencapai sebanyak 55,609 unit atau 70% daripada sasaran keseluruhan pembinaan yang telah ditetapkan iaitu 80,000 unit menjelang tahun 2020. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh tersebut.

Melalui pelaksanaan RUMAWIP ini akan memberikan kelebihan kepada penduduk Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri dengan tawaran harga lebih murah dari pasaran semasa. Projek RUMAWIP ini juga merupakan perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memastikan golongan sasaran memiliki kediaman sendiri yang kondusif melalui kerjasama oleh pihak swasta. KWP akan memastikan pelaksanaan projek rumah mampu milik berjalan lancar sehingga mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
11 April 2017
Putrajaya